

## Laporan Woodhead dalam Memperkasakan Pendidikan di Sarawak *Woodhead Report On Impowering Sarawak Education*

JULINA OTTOT, AHMAD KAMAL ARIFFIN MOHD RUS\*, MARDIANA NORDIN  
*Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya,  
56003 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia*  
Corresponding author: akamal@um.edu.my

Received: 27 March 2024 Accepted: 14 June 2024

### Abstrak

Salah satu laporan pendidikan untuk memajukan sistem pendidikan di Sarawak adalah Laporan Woodhead 1955. Laporan ini adalah hasil kajian yang dijalankan oleh Woodhead pada akhir tahun 1954. Dapatan daripada laporan ini menunjukkan terdapatnya kelemahan-kelemahan dalam pembangunan pendidikan di Sarawak. Artikel ini meneliti Laporan Woodhead dalam membangunkan pendidikan di Sarawak. Selain itu, turut dibincangkan kesan laporan tersebut terhadap pendidikan di Sarawak. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dalam mendapatkan sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer utama yang akan diteliti merupakan Laporan Woodhead. Selain itu, sumber yang lain turut digunakan adalah seperti laporan jabatan pendidikan, laporan tahunan Sarawak dan Sarawak Gazette. Berdasarkan analisis pada Laporan Woodhead, laporan tersebut menyentuh beberapa aspek seperti kurikulum sekolah, peruntukan kewangan, infrastruktur pendidikan dan tenaga guru. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa laporan ini telah memberi beberapa cadangan penambahbaikan pendidikan di Sarawak. Woodhead berpendapat bahawa kerajaan pusat mesti bertanggungjawab dalam pembangunan dan pemeliharaan piawaian semua bentuk pendidikan melalui Jabatan Pendidikan. Namun agensi pengurusan sekolah akan bertanggungjawab terhadap hal pengurusan sekolah. Selain itu, Woodhead turut melihat perlunya peruntukan perbelanjaan yang seimbang dilaksanakan bagi memastikan pembangunan pendidikan dapat dilakukan dengan baik. Cadangan tersebut termasuklah perlunya geran perbelanjaan pengurusan sekolah berulang dan geran modal untuk pembangunan pendidikan di Sarawak. Setiap sekolah di Sarawak boleh membuat permohonan bagi mendapatkan geran tersebut. Melalui pelaksanaan geran, sekolah-sekolah bagi golongan Bumiputera di kawasan luar bandar menerima peluang pendidikan yang lebih baik. Melalui Laporan Woodhead, kerajaan British mengambil berat cadangan yang dikemukakan dalam menambahbaik pendidikan di Sarawak. Malah masyarakat di Sarawak turut menerima pendidikan yang memberi manfaat kepada kehidupan mereka.

Kata kunci: *Grant-In-Aid*; Pihak Berkuasa Tempatan; Kaedah Bantu Diri; Rancangan Colombo; *The Grant Code Regulations*

### Abstract

*The Woodhead Report from 1955 is one of the education reports that helped to improve Sarawak's educational system. The investigation that led to this report was carried out by Woodhead towards the conclusion of 1954. The results of this study demonstrate that Sarawak's efforts to strengthen its educational system have flaws. This article examines Woodhead's report on developing education in Sarawak. The effectiveness of the report in advancing the education of the Sarawak's people was*

*also highlighted. Primary and secondary sources for this study were obtained through the library method. The main primary source to be examined is the Woodhead Report. Other sources are also used, such as the Sarawak Gazette, annual reports from Sarawak, and reports from the education department. Based on the analysis of the Woodhead report, the report touched on several aspects such as school curriculum, financial allocation, education infrastructure and teacher personnel. The study's conclusions demonstrate that this research made some recommendations for enhancing education in Sarawak. Through the Department of Education, Woodhead contended, the federal government must be in charge of creating and upholding standards for all forms of education. The responsibility for school management will, however, fall to the school management organisation. Additionally, Woodhead recognised the necessity of a balanced budget allocation to make sure that education development could be carried out effectively. The necessity for capital grants for the advancement of education in Sarawak is also included in the plan, along with recurrent expenditure grants for school administration. For the funding, any Sarawakian school may apply. Grants are used to improve educational possibilities in rural schools serving the Bumiputera ethnic community. The British Government seriously considered the recommendations made to enhance education in Sarawak through the Woodhead Report. Even the Sarawak community acquired education that improved their life.*

*Keywords: Grant-In-Aid; Local Authorities; Self-Help Method; Colombo Plan; The Grant Code Regulations*

## **Pendahuluan**

Sejarah moden negeri Sarawak menyaksikan proses penjajahan negeri yang panjang dari era Brooke sehingga pemerintahan jajahan mahkota British. Dalam jangka masa itu perkembangan pendidikan juga mengalami beberapa pembangunan dan kemajuan yang secara umumnya perlahan tetapi mula menunjukkan peningkatan semasa era penjajahan British. Pendidikan di Sarawak semasa pemerintahan British mula memperlihatkan perkembangan yang lebih kemas dengan adanya penglibatan pihak kerajaan. Dalam usaha ini pada tahun 1948, pihak British memberi tanggungjawab kepada Pihak Berkuasa Tempatan (*Local Authority*) untuk mengendalikan hal ehwal pendidikan peringkat rendah. Pihak Berkuasa Tempatan mempraktikkan kaedah bantu diri di mana wujudnya penglibatan masyarakat tempatan dalam pembangunan pendidikan di kawasan mereka. Dalam hal ini, masyarakat tempatan dilibatkan dan membantu menyediakan kemudahan dan kewangan kepada pendidikan peringkat rendah. Ia telah membawa kepada perkembangan pendidikan terutamanya di kawasan luar bandar.

Perkara ini menyebabkan kerajaan memerlukan pandangan pakar tentang kemajuan pendidikan di Sarawak. Atas sebab itulah, kerajaan British mengundang E.W. Woodhead untuk mengkaji pembangunan pendidikan di Sarawak dalam pelbagai aspek. Kajian yang dijalankan oleh beliau memperlihatkan kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam pendidikan di Sarawak. Usaha ini telah membawa terhasilnya kertas Laporan Woodhead pada tahun 1955. Artikel ini akan meneliti Laporan Woodhead dalam membangunkan pendidikan di Sarawak. Dalam hal ini, sudut yang akan diberi perhatian ialah aspek-aspek kelemahan dalam pendidikan yang disentuh dalam Laporan Woodhead. Ia turut memperlihatkan kepada keperluan dan kemahuan dalam pendidikan di Sarawak berdasarkan kepada Laporan Woodhead. Penekanan dalam melihat kepada laporan ini lebih kepada berfokuskan pembangunan pendidikan di Sarawak. Selain itu, perbincangan juga menyentuh kepada keberkesanan Laporan Woodhead terhadap pendidikan di Sarawak. Melalui perbincangan tersebut akan diperlihatkan sejauh mana cadangan daripada Laporan Woodhead dapat meningkatkan taraf

pendidikan masyarakat di Sarawak.

### Latar belakang

Sistem pendidikan Barat mula diperkenalkan pada zaman Brooke. Namun demikian kerajaan Brooke tidak menunjukkan minat yang bersungguh-sungguh dalam memajukan pendidikan ini kerana tidak mahu penduduk Bumiputera hilang budaya mereka. Pendidikan hanya cukup mendidik mereka untuk mengawal penduduk Sarawak daripada hidup yang dianggap oleh mereka “tidak bertamadun”.<sup>1</sup> Keadaan menjadi lebih teruk selepas pendudukan Jepun kerana berlaku penutupan sekolah dan kemusnahan kemudahan sekolah selepas perang tersebut. Usaha memulih kemusnahan selepas perang ini ditanggung oleh Tentera Australia yang menubuhkan British Borneo Civil Affair Unit (BBCAU) pada bulan November 1945. Pemulihan perkhidmatan pendidikan adalah antara langkah yang awal dilakukan oleh BBCAU seperti membuka semula sekolah kerajaan, Kolej Latihan Guru Melayu, sekolah mubaligh dan sekolah Cina.<sup>2</sup> Malah BMA mempunyai dasar pendidikan semasa mentadbir Borneo. Antaranya untuk memupuk rasa kewarganegaraan bersama dalam kalangan semua masyarakat di British Borneo, semua sekolah kerajaan vernakular dan sekolah Inggeris serta pendidikan vernakular rendah untuk kanak-kanak lelaki dan perempuan harus disediakan tanpa bayaran dan penyediaan kemudahan pendidikan.<sup>3</sup> Semasa Sarawak berada di bawah pentadbiran British pada tahun 1947, pendidikan di Sarawak telah memperlihatkan perkembangan yang agak memberangsangkan. British dilihat mempunyai matlamat yang jelas terhadap pendidikan di Sarawak. Pada awalnya, pendidikan di Sarawak diuruskan oleh beberapa agensi seperti pihak gereja dan lembaga pengurusan Cina. Pada tahun 1948, pihak British memberi tanggungjawab kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengendalikan pendidikan di peringkat rendah. Kesan ketaranya membawa kepada perkembangan pendidikan rendah terutamanya di kawasan luar bandar. Selain itu, pendaftaran atau kemasukan pelajar di sekolah juga mula meningkat setiap tahun. Peningkatan kemasukan boleh dilihat dari tahun 1946 hingga 1951 pada Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Pendaftaran di Sekolah dari tahun 1946 hingga 1951

Sekolah/Tahun	1946	1947	1948	1949	1950	1951
Cina	18222	19522	21282	21800	23906	26365
Mubaligh	4068	5087	5743	6550	7166	7988
Kerajaan	5559	4416	4080	3760	4037	3641
Pihak Berkuasa Tempatan	-	-	804	1625	2545	2868
Swasta	136	591	1555	1891	1769	1408
Tiada Klarifikasi	-	-	-	-	233	14
Jumlah	27985	29616	33464	35628	39423	42284

Sumber: CO 1022/291, Sarawak Education Policy 1951-1953, 15 November 1951.

Berdasarkan kepada Jadual 1 di atas jelas menunjukkan peningkatan pendaftaran pelajar di pelbagai jenis sekolah. Adanya penglibatan Pihak Berkuasa Tempatan yang ditubuhkan pada tahun 1948 telah menampakkan lagi peningkatan kemasukan pelajar di sekolah. Misalnya pada tahun 1947, seramai 29,616 pelajar yang berdaftar di sekolah. Kemudian dengan wujudnya Pihak Berkuasa Tempatan, berlaku peningkatan seramai 3848 pelajar pada tahun 1948. Ia membawa peningkatan kepada 33,464 pelajar. Pihak Berkuasa Tempatan ditubuhkan di bawah Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan 1948 (*Local Authority Ordinance*, 1948). Di bawah ordinan tersebut menyatakan tanggungjawab yang harus dipikul oleh badan tersebut di kawasan luar bandar atau komuniti di kawasan mereka.<sup>4</sup> Pihak Berkuasa Tempatan akan membangunkan pendidikan peringkat rendah di

kawasan luar bandar. Dengan wujudnya ordinan tersebut, Pihak Berkuasa Tempatan melaksanakan tanggungjawab seperti mana yang termaktub. Pembukaan sekolah rendah di kawasan luar bandar juga memperlihatkan berlakunya peningkatan. Perkembangan ini dilihat sebagai sesuatu perkara yang baik terutamanya kepada penduduk di luar bandar. Walau bagaimanapun, perkembangan ini turut membawa kepada peningkatan dalam perbelanjaan untuk perkhidmatan pendidikan. British sendiri melihat bahawa perkembangan pendidikan yang berlaku adalah sesuatu yang baik tetapi ia memerlukan peruntukan kewangan yang banyak. Peningkatan tersebut jelas berlaku pada tahun 1948 di mana perbelanjaan daripada dana awam adalah sebanyak \$578,121 berbanding tahun 1947 hanya sebanyak \$275,955. Semakin bertambah sekolah, maka pihak kerajaan akan mengeluarkan peruntukan yang tinggi bagi geran yang diberikan kepada sekolah-sekolah di Sarawak.

Walaupun perkembangan pendidikan di Sarawak menampakkan kemajuan namun pihak British masih memerlukan pandangan luar untuk mengkaji tentang perkembangan ini terutama kemudahan-kemudahan di sekolah. E.W. Woodhead telah dijemput oleh kerajaan British ke Sarawak bagi mengkaji tentang kemudahan-kemudahan pendidikan di Sarawak. Woodhead merupakan Ketua Pegawai Pendidikan dari Kent, England.<sup>5</sup> Beliau telah tiba di Sarawak dan memulakan kajiannya pada akhir tahun 1954. Beliau tidak hanya menjalankan pemantauan di sekolah sahaja tetapi turut melakukan perbincangan dengan guru dan wakil pendidikan di Sarawak dari setiap kawasan. Perbincangan dengan guru dan wakil pendidikan dilihat sebagai satu langkah yang bijak diambil oleh Woodhead. Hal ini disebabkan mereka yang terlibat dalam perbincangan adalah individu yang memahami dan mendalami masalah yang dihadapi di sekolah dan warga pendidik. Woodhead telah menyiapkan laporan kajian tersebut pada tahun 1955. Laporan yang dirangka oleh Woodhead dilihat lebih menekankan kepada pembiayaan pendidikan tetapi ia juga dilihat sebagai penggubalan keseluruhan dasar pendidikan untuk Sarawak.<sup>6</sup> Laporan Woodhead yang telah diserahkan kepada kerajaan Sarawak menyentuh beberapa aspek dalam pendidikan. Aspek-aspek tersebut meliputi kurikulum pendidikan rendah dan menengah, kelengkapan dan infrastruktur sekolah, pendidikan dan latihan tambahan serta biasiswa, guru, perbelanjaan dan agensi pengurusan sekolah. Dalam membincangkan aspek-aspek tersebut, beliau memberi cadangan yang boleh menambahbaik pendidikan di Sarawak.

### **Dapatan Pemantauan Woodhead**

Pemantauan yang dijalankan oleh Woodhead hanya mengambil beberapa bulan sahaja. Selesai menjalankan pemantauan tersebut, laporan lengkap telah diserahkan kepada kerajaan Sarawak. Berdasarkan pemantauan tersebut, Woodhead mendapati terdapat beberapa aspek kelemahan dalam pendidikan di Sarawak. Antara aspek-aspek tersebut adalah pendidikan rendah dan menengah, infrastruktur pendidikan, pendidikan dan latihan lanjutan, biasiswa, tenaga guru serta perbelanjaan yang diperuntukkan kepada pendidikan di Sarawak. Woodhead melihat bahawa kelemahan yang wujud dalam aspek tersebut menyukarkan pembangunan pendidikan dilaksanakan. Misalnya kelemahan dalam pendidikan rendah dan menengah. Ia dilihat melibatkan beberapa perkara seperti kurikulum kurang meluas, kaedah pengajaran yang tidak sesuai, pembaziran di sekolah luar bandar, keperluan untuk pengetahuan lebih dari satu bahasa, penggunaan buku teks yang terhad dan pertambahan bilangan pelajar merupakan masalah utama yang dihadapi pada pendidikan peringkat rendah.<sup>7</sup> Berdasarkan kepada laporan, masalah tersebut banyak dihadapi di sekolah-sekolah luar bandar. Guru yang tidak berpengalaman dan tidak berkelayakan telah menjadi tenaga pengajar di sekolah tersebut. Dalam erti kata lain, kebanyakan guru yang mengajar adalah guru yang tidak menerima latihan perguruan. Selain itu, kelengkapan di sekolah luar bandar juga tidak lengkap. Ia menyebabkan pelajar-pelajar di sekolah luar bandar sukar menerima pendidikan dengan sempurna. Dari segi kurikulum pula,

Woodhead menyatakan kurikulum yang diajar di sekolah tidak begitu luas. Mata pelajaran seperti matematik, geografi, bahasa dan kerja tangan tidak begitu berkaitan dengan persekitaran luar bandar. Kemudahan penanaman seperti kebun yang diwujudkan di sekolah tidak digunakan untuk seluruh kurikulum.<sup>8</sup> Begitu juga untuk pendidikan di sekolah menengah. Bagi mengatasi masalah-masalah tersebut, Woodhead telah memberi beberapa cadangan penambahbaikan. Antaranya, pembelajaran secara fizikal harus dipertingkatkan lagi bagi memastikan hubungan antara pelajar dengan guru dapat diwujudkan dengan lebih baik lagi. Misalnya penglibatan pelajar dalam pendidikan jasmani, aktiviti luar sekolah, Pandu Puteri, dan Pengakap akan membantu dalam membangunkan komuniti sekolah tersebut.<sup>9</sup> Woodhead melihat ia akan membentuk pelajar yang mempunyai sikap yang baik antara satu sama lain. Malah memberi peluang kepada pelajar tersebut berinteraksi dengan pelajar yang berlainan kaum. Ia amat penting kerana dapat mewujudkan perpaduan dan interaksi antara kaum di Sarawak. Jika dilaksanakan, ia dapat memastikan matlamat dasar pendidikan oleh kerajaan British dapat dicapai. Kerajaan mempunyai matlamat yang jelas dalam dasar pendidikan iaitu:

- 1) *To overcome the wide disparity in educational level between the native people and the Chinese by providing as rapidly as possible more and better educational opportunities for Malay and Dayak children.*
- 2) *To bring the different school systems which have grown up in the past into a national system, with the aim of developing among all the peoples a sense of common citizenship, brotherhood and loyalty, and in particular, without unduly interfering with cultures inherited from overseas, to orient the interests and attachments of the children of immigrant peoples towards Sarawak, the country of their birth and upbringing.<sup>10</sup>*

Berdasarkan kepada matlamat kedua tersebut jelas menggambarkan kerajaan British ingin menyatukan masyarakat Sarawak yang berbilang kaum melalui pendidikan. Dalam hal ini Woodhead mencadangkan beberapa perkara untuk mencapai matlamat dan dasar kerajaan British. Pertama saranan dalam penggunaan buku teks di sekolah rendah dan menengah. Penggunaan buku teks di sekolah sebelum ini lebih memberi penekanan kepada United Kingdom, China dan Tanah Melayu. Woodhead melihat bahawa tiada buku yang berorientasi kepada negeri Sarawak. Oleh itu, Woodhead meminta supaya ia diperbetulkan bagi memastikan pelajar-pelajar di Sarawak mempunyai buku teks yang berunsurkan tempatan. Kedua Woodhead mencadangkan tentang penekanan kepada penguasaan lebih daripada satu bahasa. Bahasa merupakan satu medium yang sangat penting dalam pendidikan. Woodhead melihat pengajaran bahasa Inggeris di Sarawak bertambah baik tetapi pelaksanaan belum lagi memadai. Penekanan kepada bahasa tersebut dijadikan sebagai bahasa utama yang harus dipelajari. Contohnya, beliau menyarankan bahasa Inggeris harus mula diajar bermula dari Darjah III di sekolah rendah. Manakala di sekolah aliran Cina pula harus menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di peringkat sekolah menengah. Ia bertujuan memudahkan pelajar-pelajar mengambil peperiksaan *Junior Secondary*. Walau bagaimanapun, beliau turut menyatakan perlu adanya bahasa kedua dalam pendidikan di Sarawak. Bahasa *Kuo Yuo* (mandarin) dan bahasa Melayu tidak boleh diabaikan. Berdasarkan kepada pemantauan Woodhead terhadap buku teks dan bahasa juga bertujuan untuk memastikan matlamat dalam dasar pendidikan Sarawak tercapai.

Aspek kelemahan seterusnya adalah infrastruktur pendidikan di setiap sekolah. Pada awalnya, pihak kerajaan sememangnya menyedari keperluan dalam memberi bantuan perbelanjaan untuk bangunan sekolah rendah dan menengah. Kerajaan telah melaksanakan kaedah bantu diri (*self help*) di mana komuniti tempatan bertanggungjawab dalam pembangunan pendidikan di kawasan mereka. Namun, lama kelamaan kaedah tersebut dilihat menjadi bebanan kepada komuniti tersebut tanpa

ada bantuan dari kerajaan pusat. Hal ini dapat dilihat belaku terutamanya di kawasan luar bandar. Dari segi aspek kewangan yang agak terhad telah menyebabkan bangunan dan kemudahan sekolah tidak lengkap dan tidak kondusif untuk pembelajaran. Misalnya, perabot dan peralatan kekal tidak sesuai dengan umur dan saiz pelajar. Sekolah-sekolah di Sarawak kebanyakannya diperbuat daripada kayu dan berlantaikan simen dan ada yang sepenuhnya kayu. Sekolah di kawasan bandar dan luar bandar dari segi bangunan juga sangat jauh berbeza. Malah kelengkapan sekolah juga tidak begitu lengkap. Hal ini disebabkan kelengkapan di sekolah adalah berbentuk pemberian secara peribadi dan sukarela oleh penduduk di kawasan tersebut. Penglibatan komuniti tempatan dalam membangunkan sekolah dan menyediakan kemudahan menunjukkan kesungguhan mereka memastikan anak-anak mereka mendapat pendidikan yang baik. Keadaan sangat jelas berbeza dengan sekolah di kawasan bandar. Sekolah di kawasan bandar menerima kos penyelenggaraan melalui bayaran yuran dan kutipan khas melalui konsert dan derma. Walau bagaimanapun, kebergantungan yang berterusan kepada perolehan peribadi sekolah tidak dapat menampung kos penyelenggaraan tersebut. Laporan Woodhead menyatakan perlu adanya sumbangan melalui pemberian modal bagi menampung kos penyelenggaraan tersebut. Dalam erti kata lain, kerajaan perlu mengambil berat dan berperanan penting dalam menyediakan kemudahan pendidikan di Sarawak.

Woodhead turut menyentuh perkara berkaitan pendidikan dan latihan lanjutan. Semasa pemantauan dilakukan, beliau mendapati tiada sekolah perdagangan dan sekolah teknik di Sarawak. Apa yang telah dilaksanakan terdapat beberapa jabatan kerajaan menyediakan latihan vokasional kepada pegawai rendah. Misalnya, jabatan-jabatan yang terlibat adalah Jabatan Pertanian, Jabatan Perubatan dan Kesihatan, dan Jabatan Pos dan Telegraf. Jabatan Pertanian menyediakan sekolah untuk memberikan latihan kepada kakitangan mereka. Pihak jabatan turut menyediakan penginapan untuk dua puluh orang pelajar Jabatan Pertanian. Penginapan ini dibina bersebelahan dengan Pusat Latihan Guru Jabatan Pendidikan.<sup>11</sup> Selain latihan yang disediakan oleh jabatan-jabatan kerajaan, terdapat skim perantis *Dockyard* (limbungan kapal) dan kejuruteraan. Kelayakan kemasukan bagi mengikuti skim tersebut adalah pendidikan sekolah rendah. Sarawak juga menerima pakar dalam pendidikan perdagangan dan teknikal di bawah rancangan Colombo.<sup>12</sup> Woodhead melihat adanya penglibatan jabatan kerajaan memberi latihan secara praktikal adalah sesuatu yang baik. Namun begitu, ia perlu dilakukan penyelarasan lagi bagi mewujudkan kursus asas yang lebih mantap. Dengan penyelarasan yang dilakukan boleh memberi peluang kepada penduduk terutamanya masyarakat Bumiputera untuk mendapat peluang pekerjaan. Malah ia akan melahirkan tenaga pekerja yang mahir dalam kalangan masyarakat tempatan bagi memenuhi industri di Sarawak. Selain itu, pendidikan dan latihan tambahan yang disentuh oleh Woodhead juga bersangkutan dengan pendidikan yang diberikan kepada golongan dewasa.

Semasa pemerintahan British, pendidikan bukan hanya tertumpu kepada golongan kanak-kanak sahaja tetapi golongan dewasa juga turut diberikan pendidikan. Ia boleh dilihat di kawasan luar bandar, apabila telah diwujudkan sebuah Sekolah Pembaikan Luar Bandar (*Rural Improvement School*) di Kanowit, Sarawak pada bulan Mei 1948.<sup>13</sup> Sekolah tersebut memberi tumpuan kepada pasangan golongan Bumiputera seperti orang Iban (Dayak Laut) di kawasan tersebut mengikuti kursus selama dua tahun. Mereka akan diberi latihan dalam kaedah pertanian, penternakan, kebersihan, kebajikan bayi, kenal huruf dan arimetik.<sup>14</sup> Selain itu, kelas celik huruf di bawah skim celik huruf turut dilaksanakan di kawasan luar bandar dan kelas malam yang memberi penekanan kepada bahasa juga dilaksanakan di Kuching. Woodhead mencadangkan pendidikan khusus untuk golongan dewasa harus ditambahbaik lagi dengan tidak hanya berfokuskan kepada kenal huruf sahaja. Golongan ini harus didedahkan dengan pelbagai bidang yang luas supaya ia dapat memperluaskan lagi minat masyarakat tersebut. Usaha boleh diwujudkan melalui pembangunan perkhidmatan perpustakaan yang tidak tertumpu di kawasan pusat sahaja tetapi harus diperluaskan di kawasan luar bandar.

Perkhidmatan sukarelawan boleh digunakan untuk melaksanakan perkhidmatan tersebut. Selain itu, pendidikan kepada golongan wanita lepasan sekolah atau tidak menerima pendidikan juga turut dicadangkan oleh Woodhead. Ia bagi memastikan golongan wanita ini menerima pengetahuan yang lebih luas lagi yang berkaitan dengan kehidupan harian mereka. Contohnya golongan wanita ini boleh mengikuti kursus pertolongan cemas, penjagaan bayi dan kursus pra perkahwinan.<sup>15</sup> Bagi Woodhead, usaha ini boleh dilakukan di bawah skim pembangunan masyarakat.

Tambahan daripada itu Woodhead turut menyentuh perkara berkaitan biasiswa. Sarawak tidak mempunyai universiti bagi memudahkan pelajarinya melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi. Namun pendidikan tinggi untuk diploma dan ijazah sebahagian besarnya disediakan dalam bentuk biasiswa. Ia adalah sebahagian Rancangan Pembangunan Koloni. Kerajaan British memberi peluang kepada lepasan sekolah menengah melanjutkan pendidikan mereka melalui penyediaan biasiswa. Kebanyakan mereka melanjutkan pengajian ke luar negara di bawah pembiayaan geran Pembangunan dan Kebajikan Koloni dan biasiswa percuma yang diberikan oleh kerajaan Australia dan New Zealand di bawah Rancangan Colombo, Petubuhan Bangsa Bersatu (PBB) dan British Council.<sup>16</sup> Pemberian biasiswa dilihat usaha yang baik di mana ia memberi peluang kepada masyarakat di Sarawak melanjutkan pendidikan ke peringkat lebih tinggi. Kebanyakan penduduk di Sarawak tidak berkemampuan dari segi kewangan dan ia sentiasa menjadi penghalang untuk mendapatkan pendidikan lebih tinggi. Woodhead melihat pelaksanaan biasiswa ini harus ditambahbaik lagi. Beliau telah mencadangkan supaya biasiswa tempatan yang diberikan kepada pelajar di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Pemberian biasiswa di peringkat sekolah rendah boleh diberikan kepada pelajar Darjah V sehingga mereka menamatkan pengajian di peringkat menengah. Cadangan ini bertujuan memastikan pelajar miskin yang berkemampuan dan berkebolehan boleh menamatkan pendidikan sehingga sekolah menengah. Masalah ini sentiasa wujud dalam kalangan masyarakat Bumiputera di kawasan luar bandar. Oleh sebab kemiskinan menyebabkan mereka hanya menamatkan pendidikan sekolah rendah di peringkat rendah sahaja. Selain itu, Woodhead turut mencadangkan pemilihan calon yang menerima biasiswa luar negara bukan hanya berdasarkan pencapaian pendidikan atau kemasukan universiti yang diluluskan sahaja. Pemilihan juga harus berdasarkan kepada keperibadian, keperluan pekerjaan di Sarawak dan dana yang ada.<sup>17</sup> Ia bagi mengelak berlakunya lambakan pemegang biasiswa yang dihantar melanjutkan pelajaran ke luar negara. Misalnya berlaku ketidakseimbangan kursus atau bidang yang diikuti. Malah tidak memenuhi keperluan pekerjaan di Sarawak. Ia akan merugikan pelajar dan kerajaan yang menawarkan biasiswa. Selain itu, Woodhead juga mencadangkan supaya beberapa perkara yang terdapat pada syarat biasiswa yang ditawarkan perlu diteliti semula. Antara perkara tersebut adalah kos penghantaran keluarga pelajar ke luar negara dan syarat di mana pelajar harus menjalankan pekerjaan tertentu di Tanah Jajahan untuk tempoh tertentu.

Aspek seterusnya disentuh oleh Woodhead berkaitan tenaga guru di Sarawak. Guru merupakan individu yang sangat penting dalam menyampaikan pendidikan kepada pelajar-pelajar di sekolah. Semasa awal pemerintahan British, guru boleh dikategorikan kepada dua iaitu guru yang terlatih dan guru tidak terlatih. Guru terlatih mendapat latihan perguruan di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Kolej Latihan Melayu Sarawak dan Maktab Perguruan Batu Lintang. Jadual 2 di bawah menunjukkan bilangan guru terlatih di setiap sekolah di Sarawak.

Jadual 2: Bilangan Guru Terlatih di Sarawak

Jenis Sekolah	Bilangan Guru	Bilangan Guru Terlatih
Daerah	99	73
Pihak Berkuasa Tempatan	126	81
Swasta	65	17
Mubaligh	320	58
Cina	999	34
<b>JUMLAH</b>	<b>1609</b>	<b>263</b>

Sumber: CO 1030/45(164). Education Policy in Sarawak 1955-1956 & E.W. Woodhead, *Colony of Sarawak 1955*, United States: Government Printing Office, hlm.53.

Berdasarkan kepada Jadual 2 di atas menunjukkan bilangan guru di setiap sekolah di Sarawak ialah 1609 orang guru. Daripada jumlah tersebut, guru terlatih hanya seramai 263 orang guru. Ia menunjukkan bilangan guru tidak terlatih ialah seramai 346 orang guru. Bilangan guru tidak terlatih ini dilihat menjadi masalah kepada pendidikan di Sarawak. Hal ini disebabkan mereka tidak mempunyai pengetahuan tentang kaedah pengajaran. Ia menyebabkan pengajaran di sekolah tidak dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan. Guru tidak terlatih ini banyak dihadapi oleh sekolah di kawasan luar bandar. Contohnya dalam jadual di atas, guru tidak terlatih di sekolah mubaligh seramai 262 orang guru. Hampir 82 peratus yang mengajar di sekolah tersebut tidak mendapat latihan perguruan. Ia jelas menunjukkan bahawa sistem pendidikan di Sarawak berhadapan dengan masalah kekurangan guru terutamanya yang terlatih. Perkara ini sangat dipandang serius dan ia merupakan masalah utama yang harus diatasi bagi memastikan pendidikan yang berkualiti. Oleh itu, sebuah pusat latihan guru telah ditubuhkan pada tahun 1948 di Batu Lintang.

Dengan adanya usaha penubuhan latihan perguruan oleh kerajaan British, Woodhead telah memberi beberapa cadangan penambahbaikan latihan dan gaji bagi guru-guru di Sarawak. Bagi penambahbaikan latihan, Woodhead mencadangkan supaya pengambilan latihan perguruan setiap tahun seramai tiga puluh pelajar bagi mengikuti kursus selama tiga tahun. Tetapi jika adanya peningkatan terhadap pelajar yang mengikuti latihan lulusan Darjah IV dan lulusan menengah rendah, ia akan dikurangkan kepada dua tahun.<sup>18</sup> Woodhead turut mencadangkan standard guru yang mengajar di sekolah menengah mesti mempunyai Sijil Persekolahan untuk mengikuti latihan perguruan. Ia bertujuan untuk menambahbaik kualiti guru di Sarawak. Selain menyentuh berkaitan kredibiliti guru, Woodhead turut menyentuh berkaitan gaji guru. Semasa kajian dilakukan, Woodhead mendapati bagi guru kerajaan terdapat tangga gaji yang berbeza bagi setiap gred. Terdapat guru yang menerima gaji yang sangat rendah berdasarkan kepada gred guru tersebut. Woodhead mencadangkan supaya pemberian bantuan (*Grant-in-aid*) yang diberikan kepada sekolah mubaligh, sekolah Cina dan sekolah Pihak Berkuasa Tempatan memerlukan pembayaran gaji guru berdasarkan kepada skala kerajaan. Maka beliau menyarankan supaya pengubahsuaian terhadap beberapa perkara dapat dilakukan bagi mengatasi kesukaran yang wujud untuk melaksanakan perkara tersebut. Antaranya, guru yang tidak bertauliah dengan tahun perkhidmatan memuaskan layak untuk mendapat skala gaji guru bertauliah. Selain itu, cadangan untuk semakan gaji dan syarat guru juga dikemukakan oleh Woodhead. Ia bagi memastikan kesamarataan bagi guru yang mengajar di semua jenis sekolah di Sarawak.

Aspek seterusnya adalah dari segi perbelanjaan yang diperuntukkan untuk pendidikan. Sejak bermulanya penekanan kepada pembangunan pendidikan di Sarawak, perbelanjaan pendidikan telah meningkat. Sebelum tahun 1955, perbelanjaan kerajaan ke atas pendidikan jelas meningkat. Misalnya pada tahun 1953 perbelanjaan terhadap perkhidmatan pendidikan adalah \$2,047,529 (£238,878) daripada \$1,147,148 (£133,834) pada tahun 1952. Peningkatan sebanyak \$900,381 dalam tempoh setahun untuk perkhidmatan pendidikan di Sarawak. Jika dilihat pada Jadual 3, awal pemerintahan,



perbelanjaan hanya sebanyak \$235,163 (£27,435) pada tahun 1947. Ini kerana pembiayaan pendidikan pada tahun tersebut hanya dari dana kerajaan Sarawak. Pada tahun berikutnya ada penambahan perbelanjaan dengan adanya dana Pihak Berkuasa Tempatan dan Skim Pembangunan Koloni dan Kebajikan yang bermula pada tahun 1948. Peningkatan perbelanjaan terhadap perkhidmatan pendidikan boleh rujuk pada Jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Perbelanjaan terhadap Perkhidmatan Pendidikan di Sarawak pada tahun 1947 hingga 1953

	1947	1952	1953 (Anggaran)
Dana Kerajaan Pusat	\$235,163	\$742,951	\$1,469,130
Dana Pihak Berkuasa Tempatan	Nil	\$228,594	\$289,043
Skim Pembangunan dan Kebajikan Kolonial	Nil	\$175,603	\$289,356
Jumlah	\$235,163 £27,435	\$1,147,148 £133,834	\$2,047,529 £238,878

Sumber: CO 1030/45(164). Education Policy in Sarawak 1955-1956 & E.W. Woodhead, *Colony of Sarawak Report 1955*, United States: Government Printing Office, hlm.12.

Melalui Jadual 3 tersebut menjelaskan bahawa perbelanjaan dibahagikan kepada dana kerajaan pusat, dana Pihak Berkuasa Tempatan dan Skim Pembangunan dan Kebajikan Kolonial. Pihak kerajaan mempunyai sistem dan kadar yang ditetapkan dalam membahagikan perbelanjaan tersebut. Misalnya dana dari kerajaan akan diagihkan kepada sekolah-sekolah bagi perbelanjaan tahunan melalui Pihak Berkuasa Tempatan. Pengurusan kepada dana dari kerajaan Pusat akan dilakukan oleh Jabatan Pendidikan. Pemberian tersebut dilakukan melalui sistem pemberian bantuan (*grant-in-aid*). Sekolah seperti sekolah mubaligh, sekolah Cina dan sekolah swasta menerima geran bantuan tersebut. Bagi dana Pihak Berkuasa Tempatan juga digunakan untuk pembiayaan perbelanjaan tahunan. Bagi skim Pembangunan dan Kebajikan Kolonial, ia digunakan untuk pembangunan pendidikan. Perbelanjaan melalui skim ini lebih kepada pembangunan untuk sekolah baharu, sekolah Pembaikan di Kanowit, Maktab Perguruan Batu Lintang dan sebagainya.<sup>19</sup> Terdapat beberapa sekolah yang menerima geran tersebut dengan pemberian sebanyak 50 peratus daripada kos modal bangunan dan peralatan. Pusat Latihan Batu Lintang yang mempunyai sekolah rendah dan menengah turut menerima geran tersebut. Ia penting dalam memastikan pembangunan dan penambahbaikan kemudahan infrastruktur di sekolah-sekolah dapat dilaksanakan. Misalnya bagi sekolah menengah, peruntukan tersebut diberikan kepada makmal Sains dan bilik Sains Domestik.<sup>20</sup> Walaupun pembiayaan pendidikan mempunyai sistem yang tersendiri tetapi ia dilihat berlaku ketidakseimbangan dalam pembahagiannya.

Woodhead sepanjang pemantauan dilakukan telah memberi beberapa cadangan dalam menambahbaik sistem pembiayaan pendidikan tersebut. Cadangan dikemukakan untuk perbelanjaan modal dan tambahan untuk perbelanjaan berulang. Bagi perbelanjaan modal adalah geran yang diberikan untuk menampung perbelanjaan pembangunan dan pembaikan sekolah serta pembelian alatan utama di sekolah. Di bawah geran ini, agensi pengurusan sekolah mubaligh, Cina dan swasta serta Pihak Berkuasa Tempatan yang memohon akan diberi lima puluh peratus dari dana awam manakala lima puluh peratus lagi dipenuhi oleh pengurusan bagi urusan pembangunan sekolah.<sup>21</sup> Selain itu, Woodhead turut menyatakan perbelanjaan kerajaan pusat bagi tujuan pembangunan harus termasuk dua pusat latihan perguruan iaitu di Batu Lintang dan Sibul. Bagi tambahan perbelanjaan berulang adalah perbelanjaan berulang yang diluluskan di sekolah bantuan, selepas ditolak hasil daripada yuran

pada kadar yang ditetapkan oleh kerajaan, dan selepas membenarkan peratusan pelepasan yuran, harus dipenuhi sepenuhnya daripada dana awam.<sup>22</sup> Geran-geran tersebut boleh dimohon oleh semua sekolah-sekolah di bawah pengurusan agensi dan Pihak Berkuasa Tempatan di Sarawak. Peluang yang diberikan melalui geran ini dilihat sebagai peluang kepada agensi pengurusan dan Pihak Berkuasa Tempatan melakukan pembangunan pendidikan. Laporan Woodhead turut menyentuh perkara yang berkaitan keperluan kerjasama dengan negara serantau seperti Borneo Utara dan Brunei. Kerjasama ini dilihat boleh membawa kepada kemajuan dalam pendidikan seperti perkongsian antara negara tersebut. Woodhead menyatakan kerjasama boleh dilakukan dengan kursus latihan guru, peperiksaan bersama berkaitan kurikulum dan buku teks, kursus Sijil Persekolahan, Biro Penerbitan, tangga gaji dan elaun guru, formula dan syarat pemberian bantuan, pengambilan kakitangan pakar, pendidikan perdagangan dan teknikal serta lawatan pakar luar.<sup>23</sup> Wujudnya kerjasama yang menekankan aspek atau perkara tersebut membantu dalam menaiktaraf pendidikan di Sarawak.

Aspek-aspek pemantauan yang dijalankan oleh Woodhead sangat berkait rapat dalam membangunkan pendidikan golongan Bumiputera di Sarawak. Aspek pendidikan di peringkat rendah dan menengah sehingga sistem pembiayaan pendidikan merupakan antara perkara yang dititikberatkan. Ia amat penting dalam memperkasakan pendidikan penduduk Sarawak terutamanya masyarakat Bumiputera. Woodhead turut menyedari golongan Bumiputera antara masyarakat yang ketinggalan dalam pendidikan. Jurang pendidikan berbanding golongan bukan Bumiputera sangat ketara. Oleh itu, pemantauan terhadap pendidikan dilakukan beberapa bulan sehingga Woodhead berjaya menghasilkan satu laporan lengkap pada akhir tahun 1954. Hasil laporan tersebut telah menyebabkan pihak kerajaan mengambil berat cadangan yang dikemukakan oleh beliau. Pihak kerajaan merangka polisi dan memasukkan pembiayaan pendidikan Sarawak dalam Kertas Putih.<sup>24</sup> Penetapan dasar dilakukan di dalam Kertas Putih telah diluluskan pada bulan September 1955 dalam mesyuarat Majlis Negeri. Kesan yang jelas laporan tersebut adalah sebuah ordinan berkaitan geran telah diwartakan. Pada tahun 1956, *The Grant Code Regulations* telah berkuat kuasa dan dilaksanakan pada bulan Januari.<sup>25</sup> Ia membawa kepada pelaksanaan sistem pembiayaan pendidikan yang baharu. Melalui pelaksanaan sistem ini, pihak kerajaan bertanggungjawab kepada pembiayaan pendidikan dan perbelanjaan berulang. *The Grant Code Regulations* telah memberi peluang kepada semua sekolah di bawah pengurusan agensi berbeza memohon geran-geran tersebut. Peluang yang diberikan telah memperlihatkan banyak sekolah telah membuat permohonan. Geran yang diluluskan memberi peluang kepada agensi pengurusan dan Pihak Berkuasa Tempatan melakukan pembangunan terhadap sekolah mereka. Malah kesan kepada pelaksanaan kod geran tersebut memperlihatkan kepada peningkatan pendaftaran pelajar di sekolah. Peningkatan pendaftaran memang berlaku agak stabil dari tahun 1948 hingga 1954 dengan purata peningkatan seramai 3,200 pelajar. Pada tahun 1955, peningkatan kepada 6,740 dan pada tahun pelaksanaan geran tersebut, peningkatan pendaftaran melebihi 10,697.<sup>26</sup> Peningkatan ini disebabkan pihak pengurusan sekolah dan Pihak Berkuasa Tempatan berpeluang membuka sekolah baharu serta menyediakan kemudahan tambahan seperti bilik darjah dan perabot. Selain itu, peningkatan turut disebabkan oleh pengurangan yuran sehingga peningkatan yang ketara di sekolah Pihak Berkuasa Tempatan.<sup>27</sup>

### **Keberkesanan Laporan Woodhead terhadap Pendidikan Bumiputera**

Berdasarkan kepada laporan Woodhead telah memperlihatkan pelbagai usaha pembangunan pendidikan dilakukan oleh pihak kerajaan British. Penyusunan semula sistem pembiayaan pendidikan mendorong kepada pembangunan pendidikan di Sarawak. Hal ini telah membawa kepada beberapa kesan kepada pendidikan Bumiputera di Sarawak. Antaranya adalah peningkatan bilangan sekolah di Sarawak. Apabila telah berlaku perubahan dalam sistem pembiayaan pendidikan iaitu agensi

pengurusan sekolah di Sarawak berpeluang memohon geran pendidikan. Apabila agensi pengurusan dan Pihak Berkuasa Tempatan berpeluang memohon geran, ia juga membuka ruang kepada mereka mewujudkan atau membuka sekolah baharu di kawasan mereka. Pembukaan sekolah-sekolah baharu ini berlaku terutamanya di kawasan luar bandar. Sebelum adanya sistem pembiayaan yang baharu seperti pemberian geran, Pihak Berkuasa Tempatan berhadapan dengan masalah untuk membuka sekolah baharu. Malah sekolah yang sedia ada juga berada dalam keadaan sederhana sahaja. Kemudahan dan kelengkapan tidak begitu memuaskan. Dengan adanya bantuan hasil daripada Laporan Woodhead telah menampakkan pembukaan sekolah baharu terutamanya di kawasan luar bandar. Pada tahun 1957, banyak Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi pengurusan lain merancang pembukaan sekolah bantuan. Sebelum pembukaan sekolah yang baharu ini, beberapa perkara harus diteliti bagi mengelak berlakunya pembaziran dana awam. Pembaziran dana awam ini berlaku disebabkan oleh penutupan sekolah disebabkan kedudukan yang tidak sesuai, kekurangan guru yang berkelayakan, bilangan kanak-kanak yang tidak mencukupi atau sokongan ibu bapa yang lemah.<sup>28</sup> Oleh itu, pihak terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan yang ingin membuka sekolah baharu mesti melihat kepada beberapa aspek. Antaranya seperti pemilihan kawasan, tenaga guru yang terlatih, bilangan kanak-kanak di kawasan tersebut dan sokongan dari ibu bapa.

Pembukaan beberapa sekolah baharu terutamanya sekolah rendah mula kelihatan selepas tahun 1956. Penekanan kepada pembukaan sekolah rendah di luar bandar adalah bersesuaian dengan hasrat kerajaan. Hasrat tersebut pernah dinyatakan oleh Gabenor Sarawak, Sir Anthony Foster Abbel semasa sesi lawatannya ke daerah Kalaka dan Saribas. Beliau menyatakan bahawa menjadi hasrat kerajaan untuk memberikan pendidikan kepada setiap kanak-kanak yang mahukan pendidikan rendah.<sup>29</sup> Kerajaan memastikan di setiap daerah mempunyai sekolah rendah. Pihak Berkuasa Tempatan bertanggungjawab dalam penyediaan kemudahan pendidikan rendah tersebut. Pada tahun 1956 dan 1957, sebanyak 113 sekolah baharu dibuka di Sarawak.<sup>30</sup> Antara contoh pembukaan sekolah yang baharu di kawasan daerah Bau, Bahagian Pertama. Pembukaan sekolah iaitu Sekolah Melayu Buso dibuka pada tahun 1956 dan sekolah vernakular Dayak di Grogog pada bulan Februari 1957.<sup>31</sup> Ia membuktikan penerimaan masyarakat Bumiputera di luar bandar dan peranan yang dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan di kawasan tersebut. Geran yang diperoleh akan digunakan untuk membangunkan dan menambahbaik kemudahan di sekolah. Hasil dari geran tersebut telah memperlihatkan peningkatan bilangan sekolah selepas tahun 1955. Penambahan bilangan sekolah boleh dilihat pada Jadual 4 di bawah.

Jadual 4: Bilangan Sekolah Rendah dan Menengah pada tahun 1955 hingga 1960

Tahun	Sekolah Rendah	Sekolah Menengah	Jumlah
1955	563	34	597
1956	605	33	638
1957	676	36	712
1958	756	38	794
1959	809	36	845
1960	850	40	890

Sumber: Sarawak Education Department Annual Summary, 1955-1960, Kuching: The Government Printing Office.

Berdasarkan kepada Jadual 4 di atas menunjukkan peningkatan bilangan sekolah rendah dan menengah berlaku setiap tahun. Selepas tahun 1955, peningkatan bilangan sekolah sebanyak 19 peratus berlaku pada tahun 1957. Pada tahun 1955 bilangan sekolah sebanyak 597 buah sekolah. Namun bilangan tersebut berubah kepada 712 buah sekolah pada tahun 1957. Jika dilihat pada jadual, ia disumbang dengan penambahan sekolah rendah. Pada tahun 1957, 70 buah sekolah rendah baharu

dibuka di mana hampir kesemuanya untuk golongan Bumiputera.<sup>32</sup> Selain itu, peningkatan sekolah Pihak Berkuasa Tempatan juga turut menyumbang kepada peningkatan ini. Contohnya peningkatan dari 150 buah sekolah pada tahun 1956 kepada 270 buah sekolah pada tahun 1957.<sup>33</sup> Ia disebabkan oleh pembukaan sekolah baharu serta pengambilalihan sekolah dari kerajaan pusat dan komuniti tempatan. Sehingga tahun 1960 memperlihatkan bilangan sekolah rendah sahaja mencecah bilangan 850 buah sekolah. Pemberian geran melalui permohonan telah membantu kepada pembukaan sekolah yang baharu setiap tahun. Pembukaan sekolah baharu bukan sahaja berlaku di peringkat sekolah rendah tetapi juga sekolah menengah. Misalnya pada tahun 1958, pembukaan sekolah menengah baharu dari pelbagai aliran di Kanowit dan Kuching.<sup>34</sup> Walau bagaimanapun pembukaan sekolah menengah tidak sebanyak sekolah rendah. Ia disebabkan kos pembinaan yang agak tinggi dalam mewujudkan sekolah tersebut. Namun ia tetap menyumbang kepada penambahan bilangan sekolah di Sarawak. Pihak kerajaan mula mendirikan sekolah menengah yang baharu apabila terdapat permintaan dari penduduk untuk sekolah menengah didirikan di kawasan mereka.

Di samping itu, penambahan bilangan pelajar melalui pendaftaran di sekolah merupakan kesan penambahan bilangan sekolah. Penambahan dan peningkatan bilangan sekolah telah membawa kepada peningkatan pendaftaran pelajar Bumiputera. Kemudahan pendidikan yang disediakan oleh agensi pengurusan seperti Pihak Berkuasa Tempatan, pihak gereja, Lembaga Pengurusan Sekolah Cina dan pihak swasta telah membuka peluang pendidikan kepada penduduk di Sarawak. Pada masa yang sama, situasi ini memperlihatkan bahawa pendaftaran pelajar dalam kalangan Bumiputera di Sarawak turut meningkat. Ia boleh dikaitkan dengan salah satu matlamat dasar pendidikan British iaitu mengatasi perbezaan tahap pendidikan yang ketara antara masyarakat peribumi dengan kaum Cina.<sup>35</sup> Matlamat ini mula kelihatan selepas penambahbaikan sistem pendidikan melalui Laporan Woodhead. Apabila pengenalan kepada sistem pembiayaan pendidikan yang baharu seperti diperkenalkan oleh Woodhead, pendaftaran pelajar Bumiputera di Sarawak meningkat. Pembiayaan yang diterima melalui geran membolehkan pihak agensi terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan membina sekolah baharu. Ia membuka peluang kepada ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Peningkatan ini jelas meningkat selepas tahun 1956. Ia boleh dilihat pada Jadual 5 seperti di bawah.


Jadual 5: Pendaftaran Pelajar pada tahun 1954 hingga 1961

	<b>Pelajar Bumiputera</b>	<b>Pelajar Cina</b>	<b>Lain-lain</b>	<b>Jumlah Perbelanjaan Berulang</b>
1954	15,121	32,277	390	\$1,042,137
1955	17,348	41,825	355	\$1,292,827
1956	21,863	46,763	400	\$5,748,864
1957	27,520	51,358	529	\$7,194,015
1958	34,452	55,816	664	\$8,745,261
1959	37,697	58,718	728	\$9,474,555
1960	42,481	60,727	831	\$9,867,000*
1961*	51,700	64,500	1,100	\$10,907,492

Sumber: A Guide to Education in Sarawak, Kuching: Sarawak Information Service, 1961, hlm.9.

Berdasarkan kepada Jadual 5 tersebut menunjukkan peningkatan pendaftaran pelajar Bumiputera dengan adanya sistem pembiayaan pendidikan. Peningkatan pendaftaran ini boleh berlaku di sekolah rendah masyarakat Bumiputera. Pada tahun 1957, jumlah pendaftaran pelajar Bumiputera seramai 27,520 pelajar berbanding tahun 1956 hanya 21,863. Peningkatan pelajar Bumiputera juga berlaku di peringkat sekolah menengah turut berlaku walaupun peratusannya masih rendah. Pada bulan Disember 1961, seramai 560 orang anak Bumiputera telah dipilih memasuki sekolah

menengah berbanding 408 orang anak Bumiputera pada tahun 1960.<sup>36</sup> Peningkatan pendaftaran pelajar Bumiputera pada setiap tahun ini menunjukkan bahawa masyarakat tempatan telah menyedari kepentingan pendidikan. Penduduk Bumiputera yang menetap di kawasan luar bandar menyedari kepentingan pendidikan tersebut. Hal ini boleh dibuktikan apabila terdapat permintaan untuk pembukaan sekolah oleh masyarakat tempatan. Selain itu, peranan yang dimainkan oleh agensi pengurusan dan Pihak Berkuasa Tempatan menyediakan kemudahan pendidikan di kawasan mereka. Kerajaan British inginkan penduduk Bumiputera mendapat peluang pendidikan seperti mana bukan Bumiputera. Peningkatan tersebut sekurang-kurangnya boleh mengecilkan jurang pendidikan yang sebelum ini sangat ketara. Peningkatan tersebut boleh dilihat pada Graf 1 di bawah.



Graf 1: Peningkatan Pendaftaran Pelajar pada tahun 1954 hingga 1961.

Sumber: A Guide to Education in Sarawak, Kuching: Sarawak Information Service, 1961, hlm.9.

Selain itu, kesan daripada laporan tersebut juga boleh dilihat melalui peningkatan celik huruf dan penguasaan bahasa dalam kalangan masyarakat Bumiputera. Masyarakat yang celik huruf adalah merujuk kepada masyarakat yang boleh membaca dan menulis surat. Selepas adanya sistem pembiayaan baharu dalam pendidikan melalui cadangan Woodhead, penduduk tempatan terutamanya anak-anak Bumiputera berpeluang menerima pendidikan. Ibu bapa juga telah menghantar anak-anak ke sekolah disebabkan oleh kesedaran terhadap pendidikan. Kesan daripada laporan Woodhead telah menyebabkan kerajaan menetapkan kadar yuran persekolahan. Ia termaktub dalam Grant Code Regulations 1956.<sup>37</sup> Yuran persekolahan bagi sekolah bantuan (menerima geran) telah ditetapkan dan diselaraskan. Kadar yuran berdasarkan kepada pindaan yang dilakukan dalam Grant Code Regulations 1956. Contohnya bagi sekolah Bumiputera, yuran untuk sekolah rendah sebanyak \$1.00 sebulan manakala sekolah menengah \$2.50 sebulan. Sementara itu, bagi sekolah bukan Bumiputera, sekolah rendah sebanyak \$3.00 sebulan dan sekolah menengah peringkat menengah rendah \$6.00 sebulan manakala menengah atas sebanyak \$10.00 sebulan.<sup>38</sup> Penyelarasan yuran tersebut dilihat sebagai satu usaha yang baik bagi mengurangkan beban ibu bapa. Jika terdapat penduduk yang tidak berkemampuan, mereka diberi pengecualian untuk membayar yuran atau membayar dalam bentuk bukan wang. Contohnya, ibu bapa yang tidak mampu membayar yuran asrama anak boleh menggantikannya dengan pemberian satu gantang beras setiap minggu.<sup>39</sup> Pertimbangan yang diberikan ini telah memberi peluang kepada anak-anak Bumiputera menerima pendidikan yang ditawarkan di kawasan mereka. Ibu bapa juga merasa tidak terbeban dengan perkara tersebut apabila menghantar anak ke sekolah. Hal ini menyumbang kepada penambahan bilangan celik huruf penduduk Sarawak. Berdasarkan kepada bancian yang dilakukan pada tahun 1960 menunjukkan seramai 124,420 penduduk di Sarawak yang celik huruf

dan 367,903 orang tidak celik huruf.<sup>40</sup> Usaha dalam mewujudkan pendidikan terutamanya pendidikan peringkat rendah membantu kepada peningkatan ini. Peningkatan celik huruf dalam kalangan masyarakat Bumiputera boleh dilihat melalui penguasaan bahasa terutamanya dalam bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan bahasa Dayak Laut (Iban). Penguasaan bahasa Inggeris telah berkembang dalam kalangan Bumiputera. Jadual 6 di bawah menunjukkan bilangan penduduk yang menguasai bahasa Inggeris mengikut kaum dalam lingkungan umur 15 hingga 19 tahun. Ia menunjukkan peningkatan dari tahun 1947 dan 1960.

Jadual 6: Bilangan Penduduk Bumiputera yang menguasai Bahasa Inggeris pada tahun 1947 dan 1960

	1947	1960
Melayu	20	188
Melanau	15	174
Dayak Laut	12	115
Dayak Darat	13	181
Peribumi lain	1	144

Sumber: Diubahsuai dari Sarawak Education Department Triennial Survey 1958-1960, Kuching: Government Printing Office, hlm.53.

Tambahan daripada itu penguasaan terhadap bahasa selain bahasa Inggeris juga bertambah. Celik huruf terhadap bahasa Melayu meningkat sebanyak 51 peratus iaitu meningkat dari 22,771 pada tahun 1947 kepada 34,399 pada tahun 1960.<sup>41</sup> Begitu juga dengan bahasa-bahasa vernakular yang lain di Sarawak. Peningkatan ini jelas menunjukkan pendidikan yang disediakan membantu masyarakat terutamanya Bumiputera tahu membaca dan menulis. Ia sekali gus dapat mengurangkan jurang celik huruf Bumiputera berbanding bukan Bumiputera. Hal ini disebabkan pada tahun 1947, masyarakat Bumiputera mempunyai peratus buta huruf yang paling tinggi.

Penubuhan Biro Kesusasteraan Borneo pada tahun 1958 juga antara kesan yang boleh diperlihatkan hasil dari Laporan Woodhead. Dalam Laporan Woodhead ada menyentuh berkaitan buku teks yang digunakan di sekolah. Laporan Woodhead mencadangkan buku teks yang digunakan di sekolah rendah dan menengah harus lebih bercirikan tempatan. Maka usaha dalam memastikan wujudnya buku teks yang berteraskan tempatan, sebuah biro yang bertanggungjawab menerbitkan buku teks dan bahan bacaan telah ditubuhkan. Biro Kesusasteraan Borneo ini mendapat geran dari Asia Foundation sebagai dana penerbitannya. Selain itu, ia turut mendapat bantuan kewangan dari kerajaan Sarawak, Nutfield Foundation, Asia Foundation dan Pembangunan dan Kebajikan Kolonial.<sup>42</sup> Dengan adanya sumber kewangan yang disalurkan oleh beberapa badan pertubuhan ini telah membantu kegiatan penerbitan dijalankan. Selain itu, Biro ini juga akan memastikan penghasilan buku yang baik dari luar negara untuk dijadikan sebagai bahan bacaan di Sarawak. Malah terjemahan buku-buku utama turut dilakukan oleh Biro Kesusasteraan. Contohnya, buku yang bertajuk “*Sarawak and Its Government*” telah diterbitkan dalam bahasa Inggeris dan diterjemahkan dalam bahasa Cina.<sup>43</sup> Buku tersebut telah dijadikan sebagai buku teks bagi mata pelajaran Sivik di sekolah rendah. Penghasilan dan penerbitan buku mudah dilakukan oleh Biro disebabkan ia mendapat kerjasama dari kakitangan Pusat Latihan Batu Lintang. Usaha dalam menghasilkan bahan bacaan dalam bahasa masyarakat tempatan turut dilakukan. Misalnya penghasilan dan penerbitan bahan bacaan dalam bahasa Dayak. Ia bertujuan untuk memupuk sikap minat membaca dalam kalangan masyarakat tersebut. Malah menjadikan masyarakat tersebut mempunyai pengetahuan yang luas. Menjelang penghujung tahun 1960, pelbagai buku telah diterbitkan seperti *Information of Sarawak, A First English Workbook, The Story of Sarawak, How to Look After a Fishnet* dan lain-lain lagi.<sup>44</sup> Kebanyakan buku tersebut akan dijual, diedarkan ke sekolah ataupun diletakkan di perpustakaan untuk bacaan pelajar atau orang

awam.

Keberkesanan laporan Woodhead yang lain ialah ramai pelajar berpeluang untuk melanjutkan pendidikan dan mengikuti latihan tambahan. Ia merupakan satu perkara penting yang dapat memenuhi keperluan tenaga kerja di Sarawak. Dengan adanya penekanan tersebut, latihan lanjutan banyak ditawarkan selepas tahun 1955. Misalnya pada tahun 1960 seramai 136 pelajar dihantar melanjutkan pengajian ke luar negara berbanding tahun 1955 hanya seramai 31 pelajar.<sup>45</sup> Selain itu, kerajaan British juga menghantar pelajar untuk mendapatkan latihan industri atau teknikal di institusi luar negara. Contohnya, terdapat pelajar yang mengikuti latihan tentang nautika (kelautan), perdagangan, perubatan dan sebagainya. Walaupun Sarawak tidak mempunyai kolej atau universiti, ia tidak menjadi halangan kepada pelajar untuk melanjutkan pendidikan ke peringkat tinggi atau mengikuti latihan tambahan di luar negara. Sejak awal pemerintahan telah melihat adanya pelajar yang menerima skim biasiswa yang membolehkan mereka melanjutkan pendidikan ke luar negara. Misalnya, di bawah skim biasiswa pada awalnya terdapat empat pelajar perubatan, seorang pelajar pergigian dan empat pelajar pertanian mengikuti kursus di Singapura dan Tanah Melayu.<sup>46</sup> Golongan Bumiputera layak juga untuk menerima biasiswa. Pemberian dan penerimaan biasiswa dalam kalangan pelajar Bumiputera juga boleh dilihat pada tahun 1947. Biasiswa tersebut diberikan kepada pelajar Bumiputera yang menyambung pelajaran di Madrasah Melayu, Kuching.<sup>47</sup> Sejak laporan tersebut dikeluarkan, peningkatan bilangan pelajar menerima semakin bertambah. Kebiasaannya permohonan terhadap biasiswa dari kalangan pelajar Bumiputera tidak begitu menggalakkan. Kesedaran terhadap pentingnya biasiswa dalam membantu mereka melanjutkan pengajian di peringkat tinggi telah meningkatkan jumlah tersebut. Selain itu, bantuan biasiswa oleh pihak kerajaan Sarawak dan skim yang ditawarkan oleh kerajaan United Kingdom, Australia, New Zealand serta organisasi lain memberi peluang untuk mereka melanjutkan pengajian ke luar negara. Pada tahun 1955, perbelanjaan sebenar untuk Biasiswa Tempatan berjumlah \$34,736. Namun ia dianggarkan meningkat kepada \$65,000 pada tahun 1956.<sup>48</sup> Peningkatan perbelanjaan untuk Biasiswa Tempatan disebabkan oleh peningkatan golongan Bumiputera yang menerima biasiswa tersebut. Jadual 7 di bawah menunjukkan bilangan pelajar Bumiputera menerima Biasiswa Tempatan pada tahun 1956.

Jadual 7: Bilangan Pelajar Bumiputera yang menerima Biasiswa Tempatan

<b>Kaum</b>	<b>Lelaki</b>	<b>Perempuan</b>
Melayu	38	10
Melanau	9	3
Dayak Darat	13	10
Iban	95	21
Kayan	2	-
Kenyah	3	-
Jumlah	160	44

Sumber: CO 802/14 Administration Report 1956.

Berdasarkan kepada Jadual 7 di atas menunjukkan bilangan pelajar dalam kalangan Bumiputera yang menerima biasiswa seramai 204 penerima. Penerimaan biasiswa dari kalangan golongan Bumiputera lelaki lebih ramai berbanding golongan Bumiputera wanita. Jurang tersebut berlaku disebabkan bilangan lelaki lebih ramai ke sekolah berbanding wanita. Ia juga didorong oleh persepsi kuno ibu bapa yang sejak dulu melihat anak perempuan tidak perlu dihantar ke sekolah. Mereka berpandangan memadai hanya membantu melakukan kerja di rumah. Selain itu, terdapat juga mereka berpandangan bahawa cukup sekadar anak-anak mendapat pendidikan rendah iaitu mereka mengetahui kemahiran membaca, menulis dan mengira sahaja. Jika dilihat pada jadual tersebut, kaum Iban ramai menerima Biasiswa Tempatan berbanding kaum lain. Seramai 116 penerima biasiswa dari

kaum Iban. Ia adalah disebabkan kaum ini telah mula menerima biasiswa di peringkat sekolah rendah dan menengah lagi. Kaum ini dilihat lebih banyak meminta untuk diwujudkan sekolah di kawasan mereka. Penerimaan biasiswa dalam kalangan kaum Melayu dan Bidayuh (Dayak Darat) juga dilihat tidak kurang ramainya. Walaupun bilangan penerimaan Biasiswa Tempatan dalam kalangan Bumiputera mempunyai bilangan yang berbeza, perkara ini jelas bahawa ia sentiasa bertambah setiap tahun. Penambahan menunjukkan peningkatan minat golongan Bumiputera dalam pendidikan rendah dan menengah tinggi. Ia juga menyumbang kepada bilangan pelajar yang dapat melanjutkan pengajian ke luar negara. Contohnya pada penghujung tahun 1961, seramai 132 pelajar yang melanjutkan pengajian ke luar negara dengan bantuan biasiswa.<sup>49</sup> Penambahan bilangan pelajar menerima biasiswa semakin bertambah. Pada tahun 1956, seramai 93 pelajar yang melanjutkan pengajian di luar negara di bawah biasiswa.<sup>50</sup> Ia menunjukkan bahawa penduduk di Sarawak semakin ramai berkelayakan untuk mendapatkan pendidikan yang lebih tinggi. Kemudahan biasiswa yang diberikan kepada pelajar ini memberikan peluang kepada Sarawak melahirkan masyarakat Sarawak yang berkemahiran dan berpendidikan. Selain itu, masyarakat Sarawak yang berpendidikan dan berkemahiran ini membantu kerajaan dalam memenuhi keperluan tenaga kerja dan kepakaran di Sarawak.

## **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, Laporan Woodhead dibuat untuk memberi cadangan membaiki sistem pendidikan Sarawak yang masih lagi mempunyai kelemahan. Ini kerana pentadbiran British di Sarawak pada peringkat awal gagal meningkatkan pendidikan Sarawak selepas perang. Pihak British mengambil masa sembilan tahun untuk meninjau semula usaha membaiki kelemahan ini. Atas sebab itu E. W. Woodhead diberi tugas untuk melakukan tinjauan dan memberi cadangan kepada kerajaan British di Sarawak untuk membaiki sistem pendidikan Sarawak yang ketinggalan. Atas usaha Woodhead ini membawa kepada lahirnya laporan Woodhead pada tahun 1955. Laporan ini mengenal pasti kelemahan utama bidang pendidikan di Sarawak. Atas cadangan laporan ini beberapa perkara cuba diperkasakan. Laporan Woodhead ini juga telah diterima oleh kerajaan. Cadangan yang sangat ditekankan berkaitan sistem pembiayaan terhadap pendidikan. Melalui laporan ini, jelas bahawa kerajaan British di Sarawak bertanggungjawab dalam memastikan pembangunan pendidikan dalam pelbagai aspek termasuk saranan tentang pemberian peruntukan kewangan dalam memajukan sistem pendidikan di Sarawak. Seterusnya, pembangunan lain seperti latihan guru, silibus pendidikan dan penambahan bahan bacaan serta penambahan sekolah juga menjadi agenda utama dalam laporan ini.

Kesan daripada laporan ini, ia membawa kepada pembangunan pendidikan yang menyeluruh di Sarawak. Keadaan ini boleh dilihat apabila terdapat penambahan bilangan sekolah terutama sekolah rendah di kawasan luar bandar. Hal ini membawa kesan kepada penambahan bilangan kanak-kanak mendaftar dalam sekolah-sekolah kerajaan yang meningkat. Bilangan celik huruf dan penguasaan terhadap bahasa juga bertambah. Bagi membantu aspek pembelajaran pelajar ini, ia membawa kepada usaha meningkatkan bahan-bahan pengajaran terutama buku teks. Biro Kesusasteraan Borneo memainkan peranan penting dalam membantu pertambahan bahan bacaan di sekolah-sekolah ini. Selain itu, peluang melanjutkan pelajaran dan mengikuti latihan kemahiran juga semakin cerah. Peluang tersebut diperoleh melalui biasiswa yang ditawarkan oleh kerajaan dan pihak tertentu. Hal ini menunjukkan bahawa laporan ini memang memberikan kesan kepada pembangunan pendidikan di Sarawak. Pada masa yang sama, keadaan ini membawa pembangunan pendidikan dalam kalangan masyarakat Bumiputera.



## Penghargaan

Syukur ke hadrat Ilahi kerana penulisan artikel ini berjaya disiapkan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Ucapan terima kasih juga kepada penyelia dan pihak-pihak tertentu yang banyak membantu dan memberikan sokongan untuk menghasilkan artikel ini. Akhir kata, segala bantuan dan sokongan yang diberikan dibalas dengan sesuatu yang baik dalam kehidupan kalian. Kajian ini hasil penyelidikan di bawah geran Bantuan Khas Penyelidikan, bernombor BKS003-2024, Universiti Malaya.

## Nota

<sup>1</sup> Suffian Mansor, Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus dan Julina Ottot, “Masalah Dan Isu Pendidikan Pada Era Pemerintahan Raja Brooke di Sarawak, *Malaysia Dari Segi Sejarah*, 52, 2023, hlm.159.

<sup>2</sup> Sarawak Education Report 1948, hlm. 1.

<sup>3</sup> WO 203/2400, British Military Administration of Borneo, June 1945 – July 1946, hlm.30.

<sup>4</sup> *The Sarawak Government Gazette*, 16<sup>th</sup> December 1948, Vol.III, No.44, hlm.845.

<sup>5</sup> Sarawak Government, *Colonial Reports Sarawak 1955*, hlm.72. Rujuk juga CO 1030/423 (88-89), Secondary Education in Sarawak 1957-1958, No File FED 23/7/03.

<sup>6</sup> *The Straits Times*, 15 August 1955, hlm.6.

<sup>7</sup> E.W. Woodhead, *Colony of Sarawak Report 1955*, United States: Government Printing Office, 1955, hlm.15.

<sup>8</sup> Ibid.

<sup>9</sup> Ibid., hlm.18.

<sup>10</sup> Sarawak Education Department Triennial Survey 1955-1957, Kuching: The Government Printing Office, 1958, hlm.6.

<sup>11</sup> Ibid.

<sup>12</sup> Rancangan Colombo ialah usaha kerjasama, dirancang bersama dan dibiayai Bersama oleh anggota Komanwel yang memerintah sendiri, gabungan negara Asia yang mempunyai populasi lebih 400 juta. Rancangan ini merupakan usaha untuk mengukuhkan hubungan Komanwel melalui menangani masalah yang dihadapi oleh negara-negara Komanwel seperti masalah kemiskinan dan nasionalisme negara Asia serta memerangi pengaruh komunis. Ia pertama kali dibincangkan pada Persidangan Menteri Luar Komanwel yang diadakan pada 9 hingga 15 Januari 1950 di Colombo, Ceylon bagi mempertimbangkan krisis di Timur Jauh. Rujuk Charles S.Blackton, “The Colombo Plan”, *Far Eastern Survey*, Feb 7.1951, Vol.20, No.3, <https://www.jstor.org/stable/3024398>, hlm.27 & 28.

<sup>13</sup> CO 938/2/3, Development “Long House” School at Kanowit, 1947. Rujuk juga *Colonial Annual Report 1948*, London: His Majesty’s Stationery Office, 1949, hlm.39.

<sup>14</sup> Sarawak Education Report 1948, hlm.7.

<sup>15</sup> E.W. Woodhead, *Colony of Sarawak 1955*, United States: Government Printing Office, 1955, hlm.20.

<sup>16</sup> Ibid., hlm.11.

<sup>17</sup> Ibid., hlm.37.

<sup>18</sup> Ibid., hlm.38.

<sup>19</sup> Syed Idrus Syed Ahmad & R. Santhiram, *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990, hlm.168.

<sup>20</sup> E.W. Woodhead, *Colony of Sarawak Report 1955*, United States: Government Printing Office, 1955, hlm.14.

<sup>21</sup> *Colonial Report Sarawak 1955*, London: His Majesty’s Stationery Office, 1956, hlm.73.

<sup>22</sup> Ibid.

<sup>23</sup> E.W. Woodhead, *Colony of Sarawak Report 1955*, United States: Government Printing Office, 1955, hlm. 42.

<sup>24</sup> Laporan tersebut telah diedarkan ke seluruh Sarawak dalam tiga versi bahasa iaitu Inggeris, Melayu dan Cina. Rujuk Sarawak Annual Report 1955, London: His Majesty's Stationery Office, 1956, hlm.72.

<sup>25</sup> The Sarawak Government Gazette, 18<sup>th</sup> November 1955, Part II, Vol.X, No.27, hlm.167.

<sup>26</sup> "School Enrolments 1956", No Fail CSO/1705 Report by E.W. Woodhead & Financing of Education.

<sup>27</sup> Ibid.

<sup>28</sup> "Opening of new rural schools", No Fail CSO/1705 Report by E.W. Woodhead & Financing of Education.

<sup>29</sup> "Visit of H.E. the Governor to the Kalaka and Saribas Districts 11 to 18 February 1957", *The Sarawak Gazette*, 31<sup>th</sup> March, 1957

<sup>30</sup> Sarawak Education Department Triennial Survey 1958-1960, Kuching: Government Printing Office, 1961, hlm.6.

<sup>31</sup> *The Sarawak Gazette*, 30 April 1957, hlm.87.

<sup>32</sup> Sarawak Education Department Annual Summary for 1957, Kuching: Government Printing Office, 1958, hlm.7.

<sup>33</sup> *The Sarawak Tribune*, 2 June 1958, hlm.2. Rujuk juga Annual Report Part I, 1956-1960, CO 802/14 (85), Sarawak Education Department Annual Summary for 1956, Kuching: Government Printing Office, 1957, hlm.7 & Sarawak Education Department Annual Summary for 1957, Kuching: Government Printing Office, 1958, hlm.7.

<sup>34</sup> Pembukaan sekolah di Kanowit dilakukan dengan menggunakan bangunan lama Rural Improvement School yang telah ditutup pada bulan April 1957. Report on Development 1958 CO 802/15, Annual Reports Part II, 1956-1960. Rujuk juga Sarawak Education Department Annual Summary for 1958, Kuching: The Government Printing Office, hlm.5.

<sup>35</sup> Sarawak Education Department Triennial Survey 1955-1957, Kuching: Government Printing Office, 1958, hlm.6.

<sup>36</sup> Sarawak 1961, London: His Majesty's Stationery Office, 1962, hlm.88.

<sup>37</sup> *The Grant Code Regulations* telah berkuatkuasa pada tahun 1956. Ia adalah peraturan yang melibatkan sistem pembiayaan Pendidikan yang baharu di Sarawak. Berdasarkan Grant Code tersebut, pihak Kerajaan bertanggungjawab dalam membiayai pendidikan dan perbelanjaan berulang yang diluluskan kepada sekolah bantuan. Manakala bagi perbelanjaan modal, ia tidak akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak Kerajaan. Tetapi akan dikongsi bersama pihak pengurusan sekolah terutamanya yang melibatkan sekolah peribumi. Rujuk "The Grant Code (Regulations) 1956", *The Sarawak Government Gazette*, 18 November 1955, hlm.169 dan 173.

<sup>38</sup> Yuran sekolah akan tetap atau boleh dikurangkan berdasarkan kepada peratus kutipan yuran tersebut dalam setahun. Peratus kutipan bagi sekolah rendah sebanyak sepuluh peratus manakala sekolah menengah pula sebanyak lima peratus daripada jumlah keseluruhan. CO 802/14 (84), Annual Report Part I, 1956-1960. Rujuk juga CMO/1286, School Fees & Sarawak Education Department Annual Summary for 1956, Kuching: The Government Printing Office, 1957, hlm.7.

<sup>39</sup> Sarawak Diary, December 1961-June 1962.

<sup>40</sup> Sarawak Education Department Triennial Survey 1958-1960, Kuching: Government Printing Office, 1961, hlm.52.

<sup>41</sup> Ibid.

<sup>42</sup> Report on Development 1959, Kuching: Government Printing Office, 1960, hlm.4

<sup>43</sup> Sarawak Education Department Triennial Survey 1958-1960, Kuching: The Government Printing Office, 1961, hlm.19.

<sup>44</sup> Ibid., hlm.50

<sup>45</sup> CO 802/15 (360), Annual Reports Part II, 1956-1960 & Sarawak Education Department Annual Summary for 1955, hlm.7.

<sup>46</sup> CO 938/5/6 (18), Education Reports for 1947, File No 58584/4, 1948.

<sup>47</sup> No Fail H-8/1 Resident First Division, Education-Scholarship & High Education/Teachers Training Institutions & Secondary School.

<sup>48</sup> CO 802/12, Administration Reports, 1955.

<sup>49</sup> Sarawak 1961, London: His Majesty's Stationery Office, hlm.92.

<sup>50</sup> Sarawak 1956, London: His Majesty's Stationery Office, hlm.78.

## Rujukan

- Baring-Gould & Bampfylde.1909. *The History of Sarawak Under Its Two White Rajah, 1839-1908*. London. H.Southeran.
- Brooke, Vyner. 2012. *The Three White Rajahs by Her Highness the Renee of Sarawak*. Sabah: Opus Publication Sdn Bhd.
- Charles S.Blackton. "The Colombo Plan., *Far Eastern Survey*, Feb 7.1951, Vol.20, No.3. <https://www.jstor.org/stable/3024398>, p.27-31.
- CMO/1286. School Fees, Repositori Rekod Negeri. Pustaka Negeri Sarawak.
- CO 802/12. 1955. Administration Reports 1955. The National Archives, London.
- CO 802/14. 1956. Administration Reports 1956. The National Archives, London.
- CO 938/2/3. 1947. Development "Long House" School at Kanowit, The National Archives. London.
- CO 938/5/6. 1948. Education Reports for 1947. The National Archive., London.
- CO 1030/45. Education Policy in Sarawak 1955-1956. The National Archives. London.
- CO 1030/423. Secondary Education in Sarawak, 1957-1959. The National Archive. London.
- Henry Ling Roth. 1980. *The Natives of Sarawak and British North Borneo*. Volume I. Kuala Lumpur. University of Malaya.
- Ho Hui Ling, "Pembangunan Sosial di Negeri Sarawak pada Zaman Pentadbiran Kolonial British, 1946-1963". *Jurnal Sarjana*. Jilid 24. Bilangan 2, 2009. hlm. 82-104.
- No Fail CSO/1705 Report by E.W. Woodhead & Financing of Education, Repositori Rekod Negeri, Pustaka Negeri Sarawak.
- No. Fail H 8/1 Resident First Division. Education-Scholarship & High Education/Teachers Training Institutions & Secondary School. Repositori Rekod Negeri. Pustaka Negeri Sarawak.
- Ooi Keat Gin. 2001. *Dunia Seberang Sungai: Pendidikan di Sarawak dari Zaman Pemerintahan Brooke hingga ke Pentadbiran Pejabat Tanah Jajahan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia. 2001.
- Porrit, Vernon.L. 1997. *British Colonial Rule in Sarawak 1946-1963*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Runciman, Steven. 2007. *The White Rajahs: A History of Sarawak from 1841 to 1946*. Kuala Lumpur: Synergy Media.
- Sabihah Osman. 1990. *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak, 1841-1941*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saint, Max. 1992. *Twenty Years in Sarawak 1848-68: A Flourish for Bishop and Brooke's Friend Grant*. Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co.
- Sara. 1961. *A Guide to Education in Sarawak*. Kuching: Sarawak Information Service. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur. Pustaka Negeri Sarawak.
- Sarawak Education Department. Sarawak Education Report 1948. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.
- Sarawak Government. 1956. Sarawak Education Department Annual Summary for 1955, Kuching: The Government Printing Office. Arkib Negara Malaysia. Cawangan Negeri Sarawak.
- Sarawak Government. 1957. Sarawak Education Department Annual Summary for 1956, Kuching: The Government Printing Office, Arkib Negara Malaysia. Cawangan Negeri Sarawak.

Julina Ottot, Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus and Mardiana Nordin

- Sarawak Government.1958. Sarawak Education Department Annual Summary for 1957. Kuching: The Government Printing Office. Arkib Negara Malaysia. Cawangan Negeri Sarawak.
- Sarawak Government.1959. Sarawak Education Department Annual Summary for 1958, Kuching: The Government Printing Office. Arkib Negara Malaysi. Cawangan Negeri Sarawak.
- Sarawak Government .1960. Sarawak Education Department Annual Summary for 1959, Kuching: The Government Printing Office. Arkib Negara Malaysia. Cawangan Negeri Sarawak.
- Sarawak Government .1951. Sarawak Education Department Annual Summary for 1960. Kuching: The Government Printing Office. Arkib Negara Malaysia. Cawangan Negeri Sarawak.
- Sarawak Government. 1963. Sarawak Education Department Annual Summary 1962, Kuching: The Government Printing Office, Arkib Negara Malaysia. Cawangan Negeri Sarawak.
- Sarawak Government. 1958. Sarawak Education Department Triennial Survey 1955-1957. Kuching: The Government Printing Office. Arkib Negara Malaysia. Cawangan Negeri Sarawak.
- Sarawak Government. 1961. Sarawak Education Department Triennial Survey 1958-1960. Perpustakaan Tun Sri Lanang. Bangi.
- Sarawak Government. 1960. Report of Development 1959. Kuching: The Government Printing Office, Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.
- Sarawak Government, Annual Reports 1947-1963. London: His Majesty's Stationery Office. <http://archive.org/search?query=sarawak+annual+report>.
- Suffian Mansor, Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus dan Julina Ottot. 2023. "Masalah Dan Isu Pendidikan Pada Era Pemerintahan Raja Brooke di Sarawak. *Malaysia Dari Segi Sejarah*, 52, hlm.146-161.
- Syed Idrus Syed Ahmad & R. Santhiram. 1990. *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Tarling, Nicholas. 1971. *Britain, the Brookes and Brunei*. Singapore: Oxford University Press.
- The Sarawak Government Gazette. 16<sup>th</sup> December 1948, Vol.III. No.44
- The Sarawak Government Gazette. 18<sup>th</sup> November 1955, Part II, Vol.X, No.27.
- The Sarawak Tribune*. 2 June 1958.
- The Straits Time.*, 15 August 1955.
- "Visit of H.E. the Governor to the Kalaka and Saribas Districts 11 to 18 February 1957". The Sarawak Gazette. 31<sup>th</sup> March, 1957.
- Woodhead.E.W. 1955. *Colony of Sarawak Report 1955*. United States: Government Printing Office, Perpustakaan Tun Sri Lanang. Bangi.
- WO 203/2400. British Military Administration of Borneo 1945 June –1946 July. Repositori Rekod Negeri. Pustaka Negeri Sarawak.